

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM DISENARAI DI BURSA MALAYSIA

Penyenaraian membolehkan Bank membuka nilai untuk pemegang saham dan menyediakan penyelesaian kewangan Islam lengkap kepada pasaran

KUALA LUMPUR, Jumaat [8 Oktober 2021]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam" atau "Bank"), Bank patuh Syariah perintis, menempa satu lagi peristiwa penting dalam sejarah industri perbankan Islam di Malaysia apabila menjadi institusi perbankan Islam tulen dan lengkap yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia hari ini melalui pengambilalihan status penyenaraian daripada BIMB Holdings Berhad ("BHB").

Penyenaraian ini menandakan muktamadnya langkah penstruktur semula Kumpulan BHB yang meliputi langkah tawaran persendirian, skim pengaturan bagi melunaskan waran tertunggak dan penyusunan semula dalaman anak-anak syarikat.

Langkah-langkah penjajaran semula dalaman ini turut meliputi pengagihan dan pembayaran semula modal yang melibatkan pengagihan semula semua pegangan BHB dalam Bank Islam dan Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia"), kepada pemegang saham BHB, seterusnya, pemindahan status penyenaraian BHB di Pasaran Utama Bursa Malaysia kepada Bank Islam. Pada masa sama, BHB akan menjadi anak syarikat milik penuh Bank Islam, dengan Bank mengambil peranan sebagai syarikat induk. Langkah ini menjadikan Takaful Malaysia sebagai syarikat pengendali Takaful kendiri dengan pemegang saham institusi yang pelbagai dan kukuh.

Ketua Pegawai Eksekutif BHB dan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed, berkata, "Bank Islam akan diberikan autonomi penuh dalam menjalankan dan meneruskan strategi korporat dan perniagaannya serta menerapkan inisiatif pengurusan modal dengan muktamadnya langkah korporat ini. Melalui

penyenaraian ini, Bank Islam mempunyai akses kepada sumber modal yang lebih luas dan pelbagai, membolehkan penggunaannya untuk menyokong program pengembangan dan pertumbuhan perniagaan di masa hadapan dengan cekap. Di samping itu, Kumpulan akan mempunyai skala dan keupayaan yang lebih besar untuk menyokong pertumbuhan organik.”

Beliau menambah, “Penyenaraian ini membuka peluang kepada pelabur untuk terlibat secara langsung dalam pertumbuhan ekuiti dan masa hadapan Kumpulan Bank Islam baharu, yang meliputi BIMB Investment Management Berhad (“BIMB Investment”) dan BIMB Securities Sdn Bhd (“BIMB Securities”). Melalui pendekatan bersinergi dan holistik, Bank Islam berhasrat untuk berada di kedudukan utama dalam menawarkan penyelesaian kewangan lengkap Syariah-ESG dengan menerajui perbankan digital dan kewangan sosial menjelang 2025.”

Penyenaraian ini memberi kedudukan menguntungkan buat Bank Islam dalam memanfaatkan pertumbuhan kewangan Islam dan pasaran modal Islam, sejajar dengan usaha untuk mengembangkan asas pelanggan Bank. Dengan jangkaan modal pasaran sebanyak RM6.3 bilion, Bank Islam kini memulakan strategi pelan perniagaan lima tahun (dikenali sebagai “LEAP25”) yang menjanjikan penggunaan teknologi, merancang semula pertumbuhan dan beroperasi dalam norma baharu bagi mengatasi cabaran yang dibawa oleh pandemik COVID-19.

Bank Islam akan meneruskan hala tuju perniagaannya ke arah mencapai matlamat LEAP25 melalui lima pemacu perniagaan: Kewangan Sosial, Pengurusan Kekayaan, Perusahaan dan Perbankan Borong serta Bank Digital.

Komitid mencapai visi sebagai sebuah Bank yang Mendahulukan Kemakmuran untuk Semua, cabang Kewangan Sosialnya, Pusat Kewangan Sosial, akan meneruskan fungsi untuk meningkatkan peranan dan manfaat instrumen kewangan sosial Islam. Bank akan menggunakan Sedekah, Zakat dan Wakaf

untuk membantu golongan rentan, kurang atau tidak mendapat perkhidmatan perbankan yang amat diperlukan. Pendigitalan adalah infrastruktur teras yang akan menjadi pendorong untuk mencapai misi yang ditetapkan.

Ketika dunia terus bergelut dengan pandemik COVID-19, Kumpulan akan terus fokus menerapkan prinsip Syariah, Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI") dan pertimbangan ESG untuk kekal berdaya tahan dan mempromosikan rangkuman kewangan untuk semua. Bank juga akan terus menyediakan sokongan dan sumbangsan ke arah menjana semula ekonomi Malaysia, khususnya pasca pandemik, serta merancakkan lagi pembangunan dan pertumbuhan kewangan Islam dan industri perbankan dalam era kemajuan teknologi.

"Kami menerima sambutan luar biasa dan permintaan kukuh daripada pelabur runcit dan institusi, domestik dan antarabangsa, termasuk beberapa nama besar dalam komuniti pelaburan. Bagi pihak Kumpulan Bank Islam, saya mengalukan semua pemegang saham dan pelabur agar terus bersama kami melangkah ke masa hadapan yang lebih baik untuk Bank Islam dan seterusnya memangkin pertumbuhan pasaran ekuiti Islam dalam negara dan rantau ini. Kami berharap dapat meningkatkan penarafan dan penilaian untuk Kumpulan Bank Islam yang baharu."

"Terima kasih atas kepercayaan, kesetiaan dan keyakinan terhadap Bank dan saham kami ketika kami mengatur langkah ke arah masa hadapan yang baharu untuk industri perbankan Islam," ujar Mohd Muazzam.

Maybank Investment Bank Berhad ("Maybank IB") berperanan sebagai Penasihat Utama dalam pelaksanaan penyusunan semula BHB.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis

dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

Rohazida Mohamed Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 012-231 8602 Emel: rozahidam@bankislam.com.my	Omar Atin Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 019-391 9144 Emel: omar@bankislam.com.my
---	---